



جَابَاتُنْ مُفْتِي نَغْرِي پَهَانْغْ

JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah
Jalan Istana Permai,
26600 Pekan, Pahang Darul Makmur.

كاتبه برامان دان برامستامة



Tel : 09-4211100

Fax : 09-4224887 / 4211179

Portal : mufti.pahang.gov.my / Email : smufti@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

RujKam : JMNP.CFT/351/600/59 Jld 2 (51)

Tarikh : 13 Zulhijjah 1446H

10 Jun 2025M

Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang
Jalan Masjid
26600 PEKAN

YH.Dato',



PEMAKLUMAN WARTA KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Mufti Negeri Pahang telah menerima kelulusan warta kerajaan yang telah disiarkan pada 25 Mac 2025 sepertimana berikut :

a) **Penetapan Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Al Asyairah Dan Al Maturidiyah Di Negeri Pahang**

b) **Larangan Aliran Dan Dakyah/Gerakan Salafiah Wahabiah Di Negeri Pahang**

3. Bersama-sama ini dilampirkan salinan warta tersebut untuk tujuan penyelarasan, dakwah dan penguatkuasaan. Kerjasama dan perhatian dari pihak YH. Dato'dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,wassalam.

"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,

(PROF.DATO'DR.ASMADI BIN MOHAMED NAIM,DSSS.,PMK.)
Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang

JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG	
TARIKH TERIMA: 16/6/25	
UNTUK TINDAKAN / MAKLUMAN	
TIMBALAN	✓
KPP (K/Pengurusan)	
KPP (Pendidikan)	
KPP (Dakwah)	✓
KPP (Pembangunan & Keluarga)	
KPP (Penyelidikan)	✓
KPP (Penguatkuasa)	✓
KPP (Halal)	
TANDATANGAN	287

N.b
1. perijadikan ke semua PTJ
2. laman web & media sosial
3. diff copy ke semua pejabat & surau
16/6

11



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78
No. 13

25hb Mac 2025

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

Phg. P.U. 9.

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

PENETAPAN PEGANGAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH
ALIRAN AL-ASYAIRAH DAN AL-MATURIDIYAH DI NEGERI PAHANG

Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang yang bermesyuarat pada 25 November 2024 menetapkan bahawa pegangan Ahli Sunnah Waljamaah yang dipersetujui dan diamalkan ialah aliran al-Asyairah dan al-Maturidiyah. Berikut adalah ciri-ciri umum pegangan Ahli Sunnah Waljamaah:

1. Menetapkan sifat-sifat kesempurnaan yang layak bagi zat Allah SWT.
2. Mensucikan (*tanzih* dan *taqdis*) secara mutlak zat dan sifat Allah SWT daripada kekurangan dengan menyerahkan makna *nas mutashabihat* (*tafwid*) sebagaimana pegangan Salaf, dan mengharuskan tafsir makna (*takwil*) yang bersesuaian dengan Bahasa Arab sebagaimana pendekatan Khalaf.

3. Menjaga adab yang tinggi terhadap Rasulullah SAW dan mengiktikadkan bahawa Baginda SAW adalah makhluk Allah SWT yang paling mulia.
4. Mencintai dan menghormati ahli keluarga Rasulullah SAW dan semua sahabat Rasulullah SAW.
5. Pegangan majoriti ulama umat Islam sejak dahulu sehingga kini.
6. Golongan pertengahan (*wasatiyah*) antara dua sisi pegangan yang melampau seperti Jabariah dengan Qadariah atau Mujassimah dengan Mu'attilah atau Syiah dengan Khawarij.
7. Tidak mengkafirkan umat Islam kerana melakukan dosa, apatah lagi kerana melakukan amalan-amalan sunat, perkara khilafiyah dan adab dalam ibadah dan berdoa seperti *tawassul*, *tabarruk* dan *istighathah*.
8. Menghormati perbezaan pandangan di kalangan umat dan berlapang dada dalam perkara khilafiyah namun bertegas dalam asas akidah.
9. Tidak mengkafirkan atau menyesatkan atau mencaci para ulama dan orang-orang soleh.
10. Tidak mengkafir dan menyesatkan umat Islam (ahli kiblat) kecuali diputuskan oleh pihak yang berautoriti.
11. Tidak melakukan pemberontakan (*bughah*) dan menimbulkan kekacauan ke atas raja pemerintah dan umat Islam.
12. Menegakkan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.
13. Beramal dengan mazhab Syafii dan meraikan tiga mazhab fiqah Sunni (Hanafi, Maliki dan Hanbali) dalam konteks negeri Pahang.
14. Beramal dengan tasawuf yang muktabar sebagaimana huraian Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali dalam konteks negeri Pahang.

Bertarikh pada 19 Mac 2025
[JMNP:C FT 351/600/59 JLD2]

PROFESOR DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM
Mufti Negeri Pahang

اینکمن فنتدبیرن اوندغ-اونداغ اسلام 1991 فتوی دباوه سیکشن 36

فتوی یغ دباتاکن دالم جدوال یغ دیوات اولیه مفتی نگرې دباوه سویسیکشن 36 (1) اینکمن فنتدبیرن اونداغ-اونداغ اسلام 1991 [اینکمن نومبر 3 تاهرن 1991] منله دلولوسکن اولیه جارتتکراس فرولدیغن حکوم شرع منوروت سویسیکشن 36 (6) اینکمن ایت اداله دیسارکن منوروت سویسیکشن 36 (2) اینکمن ایت:

جدوال


فنتنن فکفن اهلې السنة والجماعة اتس الیرن الأشاعرة والماتريدية دنکري فېغ

جارتتکراس فرولدیغن حکوم شرع نگرې فېغ یغ برمشوارت قد 25 نوؤمبر 2024 منتننک بهوا فکفن اهلې السنة والجماعة یغ فرستوجوهي اوننوق دعملکن ایاله الیرن الأشاعرة دان الماتريدية. برایکوت اداله چیري ۲ صوم اهلې السنة والجماعة:

1. منتننک صیفت ۲ کسغورنانه یغ لایق باهي ذات الله سبحانه وتعالى.
2. منسوجیکن (تئزیه دان تئیس) سجارا مطلق ذات دان صیفت الله سبحانه وتعالى درؤد ککورغن دشن میرهکن معنا نص مثنابیه (ظریفن) سباکایمان فکفن منلف، دان مغهاروسکن تفسیر معنا (فأویل) یغ برسسوان دشن بهاس عرب سباکایمان فنتننک خلف.
3. منجلاک ادب یغ تیغخي ترهاند رسول الله صلى الله عليه وسلم دان مغاعقلانک بهوا بکیندا صلى الله عليه وسلم اداله مخلوق الله سبحانه وتعالى یغ فالیغ مولیا.
4. منچینتاهي دان مغحورمتي اهلې کلوارک رسول الله صلى الله عليه وسلم دان سموا صحابة رسول الله صلى الله عليه وسلم.
5. فکفن ماجوريتي علماء اومت اسلام سچق دهولو سپیغک کینی.
6. گولوغن فرتغین (وسطیة) انتارا دوا سیسی فکفن یغ ملمفاو سفرتي انتارا جبریه دان قدریه، اتاو انتارا مجبیه دان مغطیلة، اتاو انتارا ثبیعة دان خوارج.
7. تیداق مشکفرکن اومت اسلام کران ملاکونک دوسا، افاته لاکي کران ملاکونک عملن ۲ سنه، فرکارا خلائیة دان ادب دالم صیانة دان پردعاه سفرتي تومل، تیزع دان استیغاة.
8. مغهورماتي فربیداهن فندغن دکلفن اومت دان برلافغ دادا دالم فرکارا خلائیة، نامون برتگس دالم اساس عیة.
9. تیدق مشکفرکن اتاو مپستکن اتاو منچاچي فارا علماء دان اورغ ۲ صالح.
10. تیدق مفکافیر دان مپستکن اومت اسلام اهلې قبله کچوالی دغوتوسکن اولیه فیهق یغ براموتورتی.
11. تیدق ملاکونک فمیرونتتن (یغاه) دان منیمبولکن ککچاوان کاتس راج فمریتته دان اومت اسلام.
12. منکفن امر مغزوف نهی موشکر دالم کهدوفن.
13. برعمل دشن مذهب الشافعي دان مراعیکن تیگ مذهب فقه سنی (خلقی، میکی دان خلطی) دالم کونتیک س نگرې فېغ.
14. برعمل دشن تصوف یغ مستبیر سباکایمان هوراین امام الجندی البغدادی دان امام الغزالی دالم کونتیک س نگرې فېغ.

بر تاریخ قد 19 مه 2025
[JMNP:C FT 351/600/59 JLD2]

فروفیسور داتر دوکتور اسمادي بن محمد نعیم
مفتي نگرې فېغ



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78
No. 13

25hb Mac 2025

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

Phg. P.U. 10.

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

ALIRAN DAN DAKYAH/GERAKAN SALAFIAH WAHABIAH
DI NEGERI PAHANG

Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang yang bermesyuarat pada 26 November 2024 telah menetapkan bahawa—

1. Aliran dan dakyah Salafiah Wahhabiah didapati sesat dan bercanggah dengan pegangan dan amalan Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi teras pegangan umat Islam di Negeri Pahang dan menyebabkan implikasi yang negatif terhadap umat Islam.

Percanggahan tersebut kerana sikap ekstrim mereka terhadap isu-isu akidah, fiqh, tasawuf dan manhaj seperti yang berikut:

- (i) Kefahaman konsep bidaah yang sempit dan berbeza dengan majoriti ulama sehingga mudah membidaahkan dan menyesatkan umat Islam yang tidak sehaluan dengan mereka;
- (ii) Membidaahkan amalan-amalan sunat dan khilafiyyah khususnya yang telah menjadi amalan umat Islam tempatan seperti amalan tahlil, amalan talqin selepas pengebumian, bacaan Yasin malam Jumaat, bacaan Qunut Subuh, hadiah pahala buat si mati, pembacaan al-Quran di sisi kubur, zikir berjemaah, sambutan Maulid Nabi, qiyam malam Nisfu Syaaban, doa akhir dan awal tahun, tambahan lafaz Saidina, dan sebagainya;

-
- (iii) Membawa pendekatan tauhid yang berbilang-bilang atau Tauhid Tiga Serangkai atau Tri-Tauhid yang tidak pernah dikenali oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah daripada kalangan generasi Salaf mahupun generasi Khalaf;
 - (iv) Boleh membawa sikap mengkafirkan (takfiri) umat Islam berdasarkan pendekatan Tauhid Tiga Serangkai atau Tri-Tauhid mereka yang cenderung kepada dakwaan kufur dan syirik terhadap umat Islam yang melakukan Takwil, Tawassul, Tabarruk (mengambil berkat), Istighathah, dan ziarah kubur;
 - (v) Mendakwa bahawa ulama dan umat Islam Ahli Sunnah Waljamaah al-Asyairah dan al-Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Waljamaah khususnya berkaitan dengan keimanan kepada zat dan sifat Allah SWT;
 - (vi) Membuat tuduhan sesat ke atas ramai tokoh ulama Ahli Sunnah Waljamaah seperti Imam Al-Ghazali, Imam Al-Nawawi, Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam Al-Sanusi, Imam Zakariyya Al-Ansari, Imam Shihabuddin al-Ramli, Imam Ibnu Hajar al-Haytami al-Makki dan lain-lain;
 - (vii) Berpegang dengan makna zahir ayat dan hadis mutashabihat yang boleh membawa kepada fahaman *tasybih* dan *tajsim* berkenaan zat dan sifat Allah SWT; dan
 - (viii) Boleh membawa kepada ideologi mengkafirkan umat Islam (*takfiri*) yang menjadi teras bagi gerakan-gerakan Salafi Jihadi seperti ISIS (DAESH), JI (Jemaah Islamiyah) dan lain-lain yang terlibat dengan aktiviti terorisme dan keganasan. Hakikat ini telah dinyatakan oleh pihak berkuasa dan penyelidikan-penyelidikan di pelbagai negara.
2. Aliran Salafiah-Wahhabiah juga boleh membawa kepada perpecahan dan pertelingkahan di kalangan umat Islam. Adalah dilarang untuk menimbulkan perpecahan seperti yang berikut:
- (i) Mempertikaikan pengajian akidah sifat dua puluh (20);
 - (ii) Mempertikaikan ulama Nusantara yang muktabar serta kitab-kitab karya mereka;
 - (iii) Mempertikaikan amalan ulama Sufi dan Tariqah Tasawuf yang muktabar; dan
 - (iv) Mempertikaikan keharusan beramal dengan perkara-perkara sunat (*fada'il al-a'mal*) berdasarkan hadis da'if yang diterima oleh para ulama muktabar.
 - (v) Mempertikaikan fatwa-fatwa atau keputusan pihak berkuasa agama;

3. Mesyuarat juga bersetuju memutuskan dilarang mana-mana orang Islam menyebarkan dan menyimpan bahan bacaan aliran Salafiah Wahhabiah dan seumpamanya.

Bertarikh pada 19 Mac 2025
[JMNP:C FT 351/600/59 JLD2]

PROFESOR DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM
Mufti Negeri Pahang

اینکمن فتنديبرن اوندغ-اونداغ اسلام 1991
فتوى دباره سيكشن 36

فتوى يڭ دياتاكن دالم جدول يڭ ديوات اوليه مفتي نكري دباوه سوبسيكشن 36(1) اينكمن فتنديبرن اونداغ-اونداغ اسلام 1991 [اينكمن نومبر 3 تاهون 1991] سئله دلولوسكن اوليه جاوتتوكواس فرونديغن حكوم شرع منوروت سوبسيكشن 36(6) اينكمن ايت اداله دسباركن منوروت سوبسيكشن 36(2) اينكمن ايت:

جدوال

اليرن دان دُغِيَه / حُرقَن سَلَفِيَّة وَهَبِيَّة نُكْرِي فَهْغ

جاوتتوكواس فرونديغن حكوم شرع نكري فَهْغ يڭ برمشوارت قد 26 نوؤيمبر 2024 منتظن بهوا—

1. اليرن دان دُغِيَه سَلَفِيَّة وَهَبِيَّة ددائتي سست دان برچغكه دغن فُكُشن دان عملن اهلي السنة والجماعة يڭ منجادي ترس فُكُشن اومت اسلام دنكري فَهْغ دان ميبكن ايمفليكاسي يڭ فيكثيف ترهائف اومت اسلام. فُرجُكُشن ترسبوت كران سيكف ايكستريم مريك ترهائف ايسو ٢ عقيدة، فقه، تصوف دان منهج سئرتي يڭ برايكوت:

i. كفاهامن كونميف يذُغَة يڭ سمقيت دان بريذا دغن ماجوري تي علماء سبيك موده مبدعهكن دان مپستكن اومت اسلام يڭ تيدق سالييرن دغن مريك؛

ii. مبدعهكن عملن ٢ سنة دان جَلَفِيَّة خصوص يڭ تله منجادي عملن اومت اسلام تمقن سئرتي عملن تهليل، عملن تلقين سلفس فُغِيومين، باچاين بس مالم جمعة، باچاين قُلوَت صبح، هديه قُهاَلا بوات سي ماتي، قُمباچاين القراءان دسيمي قُيور، ذيكير برجماعه، سمبوتن مولد نبي، قيام مالم نصف شعبان، دعاء اخير دان اول تاهون، تمبين لفظ سيدنا، دان سباكايين؛

iii. ممباوا فُندكُتن توحيد يڭ برييلغ ٢ اتاو توحيد تيك سرغكاي اتاو تري-توحيد يڭ تيدق قرنه دكُتلي اوليه علماء اهلي السنة والجماعة درُقد كالغن كُتراسي سلف ماهورفون كُتراسي خلف؛

iv. بوله ممباوا سيكف مغانكرن (فُغِييري) اومت اسلام برداسركن فُندكُتن توحيد تيك سرغكاي اتاو تري-توحيد. مريك يڭ چندروغ كُغد دعواين كفور دان شيريك ترهائف اومت اسلام يڭ ملاكوكن تُلُويل، تُوُسُل، تَبُرُغ (مُسمبل بركة)، اِسْتِغَاثَة دان زياره قُيور؛

v. مندعوا بهوا علماء دان اومت اسلام اهلي السنة والجماعة اليرن الاشارة دان الماتريدي تيدق ترماسوق دالم كُولوغن اهلي السنة والجماعة خصوص بركاءين دغن كايمانن كُغد ذات دان صيقت الله سبحانه وتعالى؛

- vi. مبعوثات تودوهن سست كاتس راماي توكوه علماء اهلي السنة والجماعة سقرتي امام الغزالي، امام النواري، امام ابن حجر الاسقلاني، امام السنوسي، امام زكريا الانصاري، امام شهاب الدين الرملي، امام ابن حجر الهيتمي المكي، دان لاءين ٢؛
- vii. برفقح دغن معلى ظاهر ايات دان حديث مُتَشَابِهَة بَغ بوليه مبعوا كُتْ فِهْم تَشْبِيه دان تَجْسِيم بَرَكْنَعَن دغن ذات دان صيغت الله سبحانه وتعالى؛
- viii. بوله مبعوا كُتْ ايدىولوكي مشكافركن اومت اسلام (تَقْنِيَرِي) بَغ مَجْدِي تَرَس باكي كَرَقَن ٢ سَلَفِي جَهْلَوِي سَقْرَتِي ISIS (DAESH)، ال (جَمَاعَة اِسْلَامِيَّة) دان لاءين ٢ بَغ تَرَلِيَّت دغن اَكْتِيوِيَّتِي terorisme دان كُتْاَسَن. حَقِيْقَت اِيْن تَلَه دِهَاتَاكَن اَوَلِيَه فَيِهَق بَرَكُوَس دان قَلِيْدِيَقَن دَقْلَبَاكَاي نَخَارَا.
2. اجارن سَلَفِيَّة وَهْبِيَّة جَوَف بوليه مبعوا كُتْ فَرَفْجِهَن دان فَرْتَلِيْخَكِيَن نَكَلْفَن اومت اسلام. اداله دلارغ اوتوق مَنِيْمَبُولَكَن فَرَفْجِهَن سَقْرَتِي:
- i. مَمَقْرَتِيكَايَكَن فُتْجَابِيَن عَقِيْدَة صِيغَت دَوَا قَوْلُوَه (20)؛
- ii. مَمَقْرَتِيكَايَكَن عِلْمَاء نَوَسَقْتَارَا بَغ مَعْتَبَر سَرَتَا كِتَاب ٢ كَارِيَا مَرِيَك؛
- iii. مَمَقْرَتِيكَايَكَن عِلْمَاء صَوْفِي دَانَ طَرِيْقَة تَصَوُّف بَغ مُعْتَبَر؛
- iv. مَمَقْرَتِيكَايَكَن كَهَارُوسَن بَرَعَمَل دَغَن فَرَكَارَا ٢١ سَنَة (فَضَائِلُ الْأَخْفَال) بَرَدَاَسَرَكَن حَدِيْث ضَعِيْف بَغ دَرِيْمَا اَوَلِيَه قَارَا عِلْمَاء مُعْتَبَر؛ دَانَ
- v. مَمَقْرَتِيكَايَكَن فُتْوَى ٢ اِتَار كُتُوْتُوَسَن فَيِهَق بَرَكُوَس اَكَام.
3. مَشَوَارَت جَوَف بَرَسَتُوَجُو مَمُوْتُوَسَكَن مَان ٢ اَوَرُغ اِسْلَام دَلَارُغ مَبِيْر دَانَ مَبِيْمُتَن بَاهَن بَاچَاَعَن اَلْبِرَن سَلَفِيَّة وَهْبِيَّة دَانَ سَاوَمَقَامَن.

بَرَتَارِيْخ قَدْ 19 مَحْ 2025
[JMNP:C FT 351/600/59 JLD2]

فَرُوْايسُور دَاتُو دُوَكْتُوَر اِسْمَادِي بِن مَحْمَد نَعِيْم
مَقْتِي لُكْرِي فَيِهَق